



13 Jun 2017
13 June 2017
P.U. (A) 170

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI (KADAR CARUMAN BAGI PEMANDU TEKSI) 2017

SELF-EMPLOYMENT SOCIAL SECURITY (RATES OF CONTRIBUTION FOR TAXI DRIVER) REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI 2017

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI
(KADAR CARUMAN BAGI PEMANDU TEKSI) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 10 dan perenggan 83(2)(h) Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [*Akta 789*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (Kadar Caruman Bagi Pemandu Teksi) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 13 Jun 2017.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, “pemandu teksi” ertinya mana-mana orang bekerja sendiri yang—

(a) menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri sebagaimana yang dinyatakan dalam butiran 1 Jadual Pertama kepada Akta;

(b) mempunyai lesen memandu yang sah yang dikeluarkan di bawah seksyen 26 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]; dan

(c) bagi maksud perenggan (a), telah dikeluarkan baginya—

(i) suatu lesen pengendali yang sah di bawah seksyen 18 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [*Akta 715*] dan suatu kad pemandu yang sah oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat; atau

- (ii) suatu lesen yang sah oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan di bawah seksyen 16 Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [*Akta 334*].

Kadar caruman

3. (1) Tiap-tiap pemandu teksi hendaklah membayar suatu caruman kepada Pertubuhan atau ejen keselamatan sosial pekerjaan sendiri pada kadar sebagaimana yang dipilih oleh pemandu teksi itu berdasarkan Pendapatan Bulanan Pilihan yang Diinsuranskan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Tempoh pelindungan bagi kadar caruman yang dipilih oleh seorang pemandu teksi di bawah subperaturan (1) hendaklah selama tempoh dua belas bulan berturut-turut.

(3) Jika dalam tempoh pelindungan yang disebut dalam subperaturan (2) kesahan lesen pengendali dan kad pemandu yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat atau lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan habis tempoh—

- (a) tempoh pelindungan itu hendaklah terus berkuat kuasa sehingga tempoh dua belas bulan berturut-turut itu habis; dan
- (b) seorang pemandu teksi hendaklah mengemukakan kepada Pertubuhan, apabila diminta oleh Pertubuhan, lesen pengendali, kad pemandu atau lesen baharunya untuk penentusahan.